



KENANGAN: Para Alumni merakam gambar kenangan bersama pelajar baharu KTEKK.

Empat pelajar UMS bantu jayakan Program Orientasi KTEKK UB 10.08.2022 P.03

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Seramai empat orang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) dan Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) memanfaatkan cuti semester kali ini dengan menjayakan Program Orientasi Pelajar Semester satu bagi sesi 2022/2023 di Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu (KTEKK), baru-baru ini.

Pelajar tahun tiga FPP Muhammad Firdaus Roslan amat teruja dan bangga dapat membantu perjalanan program itu

bersama tiga lagi rakannya dari UMS iaitu Habibie Nor Ibnur, Mohammad Sahrul Nizam dan Ahmad Shairazi Sazali.

“Tujuan kami datang ke KTEKK adalah untuk membantu memberikan dorongan dan galakan kepada pelajar baharu di samping pemudah cara bagi pengisian program seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) serta membawa pelajar melihat persekitaran kolej,” katanya yang juga alumni Kolej Tingkatan Enam itu.

Sementara itu, Habibie turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua

Unit Bimbingan dan Kaunseling KTEKK Suli Dakar serta Guru Bimbingan dan Kaunseling KTEKK Sazwan Saffri kerana memberi peluang para alumni KTEKK untuk menabur bakti di kolej itu.

“Harapan saya agar hubungan kerjasama para alumni KTEKK tetap terjalin kukuh walaupun sudah meninggalkan kolej ini kerana kehidupan sebagai pelajar universiti telah mula diajar di kolej ini,” katanya.

Seramai 324 orang pelajar mendaftar di KTEKK bagi sesi 2022/2023.